

**NILAI KEKUATAN KEKELUARGAAN DAN PERSEKITARAN  
POSITIF KEJIRANAN:  
PILIHAN PETEMPATAN WARGA EMAS SECARA GLOBAL**

**NOR 'ADHA AB HAMID<sup>1</sup> NUR ZULFAH MD ABDUL SALAM<sup>2</sup>  
MOHD FAROK MAT NOR<sup>3</sup> SHARIFAH HANA ABD RAHMAN<sup>4</sup>  
MOHAMAD HAFIFI HASSIM<sup>5</sup> MASHITAH NABEES KHAN<sup>6</sup>**

<sup>1</sup>Profesor Madya, Fakulti Syariah dan Undang-Undang,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Bandar Seri Putra,  
43000 Kajang Selangor

<sup>2,3,4,5,6</sup> Pensyarah & Pelajar Pascasiswazah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Bandar Seri Putra,  
43000 Kajang Selangor

\*Corresponding Author: [noradha@kuis.edu.my](mailto:noradha@kuis.edu.my)

**ABSTRAK**

Setiap manusia akan menjadi tua. Menjelang tahun 2030, peningkatan populasi tua yang berterusan akan menjadikan Malaysia sebuah negara yang majoriti populasinya terdiri daripada warga emas. Budaya anak-anak tinggal bersama ibu bapa sudah dipraktikkan di Malaysia sejak bergenerasi lamanya. Nilai-nilai kekeluargaan yang diterap dalam keluarga membuatkan golongan tua benar-benar yakin bahawa keluarga mereka akan melaksanakan tanggungjawab sebagai anak dan menjaga mereka. Namun begitu, ciri-ciri sosial Malaysia semakin berubah, sejajar dengan arus pemodenan dan pembandaran yang berlaku. Oleh itu, kajian ini bermatlamat untuk mengenal pasti aspirasi pengaturan tempat tinggal dalam kalangan warga emas. Pandangan warga emas adalah berbeza-beza. Justeru, untuk mengetahui kepelbagaian pandangan-pandangan ini, suatu kajian yang teliti perlu dilaksanakan yang melibatkan aspirasi dan pilihan petempatan golongan tua. Artikel ini menggunakan pendekatan kualitatif, mengaplikasi kajian berasaskan perpustakaan dan pendekatan sorotan kajian untuk membuat analisis kandungan dokumen yang diperolehi. Sorotan kajian menekankan pandangan dan pendapat para pengkaji dalam kajian ini yang membangkitkan isu-isu berkenaan subjek ini dan masalah-masalah berkaitan dengannya secara global. Oleh sebab itu, kajian ini akan tertumpu pada analisis kandungan kajian-kajian akademik terdahulu yang dijalankan tentang pengaturan tempat tinggal pilihan warga emas. Hasil kajian-kajian ini menunjukkan bahawa kebanyakan warga emas secara global lebih suka untuk tinggal bersama anak-anak dan hal ini menunjukkan bahawa nilai-nilai kekeluargaan yang kuat serta persekitaran positif kejiiranan mereka sebagai faktor-faktor yang mempengaruhi pilihan dan aspirasi pengaturan tempat tinggal golongan tua dan warga emas di seluruh dunia.

**Kata Kunci:** Warga emas, Golongan tua, Nilai kekeluargaan, Kejiiran, Petempatan

**1. Pengenalan**

Jabatan Kebajikan masyarakat (JKM) mendefinisikan warga emas seperti yang diterangkan dalam 'Perhimpunan Sedunia mengenai Penuaan 1982' (World Assembly on Aging 1982) di Vienna, iaitu kumpulan individu yang berusia 60 tahun dan ke atas (Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2020). Polisi dan Dasar Warga Emas Negara menjelaskan bahawa warga emas terdiri daripada individu berusia 60 tahun dan ke atas (Jal Zabdi Mohd Yusoff, 2009). Selaras dengan keperluan semasa dan akan datang, Dasar Warga Emas Negara (DWEN) dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) telah diluluskan oleh kerajaan pada 5 Januari 2011. DWEN dan PTWEN merupakan komitmen kerajaan untuk mewujudkan warga emas yang berdikari, bermartabat diri dan dihormati dengan mengoptimalkan potensi diri

melalui penuaan sihat, positif, aktif, produktif dan menyokong untuk meningkatkan kesejahteraan hidup dalam pembangunan Negara. Matlamat Dasar Warga Emas Negara adalah mendayaupayakan individu, keluarga dan masyarakat dengan menyediakan perkhidmatan mesra warga emas yang cekap dan berkesan serta membangunkan persekitaran yang membantu warga emas hidup sejahtera (Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2020).

Buat masa ini, dianggarkan bahawa 15 peratus daripada populasi dunia, atau kira-kira 1 bilion individu, hidup dengan satu atau lebih ketidakupayaan. Lebih dari 46% warga emas, berusia 60 tahun dan ke atas, mengalami ketidakupayaan dan lebih dari 250 juta warga emas mengalami ketidakupayaan tahap sederhana atau ekstrem. Berdasarkan trend global dalam populasi emas dan risiko ketidakupayaan dalam kalangan warga emas yang semakin tinggi berkemungkinan mengakibatkan peningkatan bilangan individu tidak upaya dalam populasi. Menurut Prospek Populasi Dunia: Semakan tahun 2015 (World Population Prospects: the 2015 Revision) (Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, 2015), di kebanyakan negara dan rantau, bilangan warga emas mengalami peningkatan besar sejak belakangan ini, dan peningkatan dijangka akan naik dengan mendadak dalam dekad-dekad seterusnya. Antara tahun 2015 dan 2030, bilangan populasi dunia yang berusia 60 tahun dan ke atas diunjurkan untuk meningkat sebanyak 56 peratus, dari 901 juta ke 1.4 bilion, dan menjelang tahun 2050, populasi emas global dijangka akan mencapai hampir 2.1 bilion. Akibat daripada risiko-risiko kesihatan seperti serangan penyakit, kecederaan dan jangkitan penyakit kronik, negara-negara yang menghadapi isu populasi emas disarankan untuk menyemak dan merokai lagi hubungkait antara usia emas dan ketidakupayaan.

Golongan tidak berupaya di seluruh dunia mengalami pelbagai kesulitan, termasuklah halangan institusi, persekitaran dan sikap yang membataskan penglibatan penuh mereka secara saksama dalam semua aspek kehidupan. Acap kali, warga emas yang mengalami ketidakupayaan adalah antara golongan yang paling terkesan dengan aspek ini dan menghadapi lebih banyak kesulitan kerana batasan usia dalam masyarakat. Konvensyen Hak-Hak Individu Tidak Upaya (CRPD) dan Protokol Opsyenal (A/RES/61/106) – The Convention on the Rights of Persons with Disabilities (CRPD) and its Optional Protocol (A/RES/61/106) - dirangka pada 13 Disember 2006 di Ibu Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York dan ditandatangani pada 30 Mac 2007. Konvensyen ini dikuatkuasakan pada 3 Mei 2008. Konvensyen ini menggariskan obligasi-obligasi perundangan Negara untuk mempromosikan dan melindungi hak-hak individu tidak upaya dalam masyarakat dan pembangunan masyarakat. Konvensyen ini mengandungi beberapa perkara yang mengetengahkan hubungkait antara penuaan dan ketidakupayaan. Sebagai contoh, Perkara 9 (kemudahan), Perkara 19 (hidup berdikari dan menjadi sebahagian daripada masyarakat), Perkara 20 (mobiliti diri) dan Perkara 25 (kesihatan) adalah antara contoh Konvensyen tersebut menyediakan rangka tindakan kukuh yang boleh disertakan dalam perbincangan tentang penuaan dan ketidakupayaan (CRPD, 2006).

Rikiya Matsukura, pensyarah di Universiti Nihon, Jepun, menerangkan fenomena populasi emas menggunakan tiga ciri iaitu, peningkatan dalam bilangan warga emas dan penurunan bilangan warga muda, penurunan pada kadar kesuburan, dan penurunan kadar mortaliti. Shipra Singh et al (2014), dalam kajian mereka mendefinisikan warga emas sebagai individu-individu dalam fasa hidup yang mana keupayaan fizikal dan mental mereka semakin merosot serta peranan mereka dalam aktiviti sosioekonomi semakin berkurangan dan perlahan-lahan, mula bergantung hidup pada anak-anak atau keluarga.

## **2. Metodologi**

Dalam proses mengenal pasti harapan dan jangkaan golongan emas, nilai-nilai kekeluargaan yang kukuh mempengaruhi pilihan mereka. Oleh itu, kajian ini tertumpu pada perbincangan pandangan dan pendapat para penyelidik terdahulu. Kira-kira 32 sorotan kajian yang membincangkan topik dan isu-isu ini disertakan dalam analisis kajian. Tesis ini menggunakan pendekatan kualitatif, mengaplikasi kajian berasaskan perpustakaan dan pendekatan sorotan kajian untuk membuat analisis kandungan dokumen yang diperolehi. Sorotan kajian menekankan pandangan dan pendapat para penyelidik dalam kajian ini yang membangkitkan isu-isu berkenaan subjek ini dan masalah-masalah berkaitan dengannya. Kajian-kajian akademik terdahulu yang dijalankan tentang pengaturan tempat tinggal pilihan warga emas juga ditekankan dalam analisis kandungan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan individu warga emas lebih suka tinggal bersama anak-anak. Hal ini mengaitkan nilai-nilai kekeluargaan yang kukuh dan persekitaran fizikal kawasan kejiranan sebagai faktor yang mempengaruhi pilihan serta aspirasi pengaturan dan petempatan tempat tinggal warga emas secara global seluruh dunia.

## **3. Analisis dan Perbincangan Sorotan Kajian**

### ***3.1 Warga Emas dan Nilai Kekeluargaan Kukuh***

Nilai-nilai kekeluargaan yang kukuh biasanya dicerminkan dalam penjagaan ahli keluarga. Menjaga ahli keluarga yang berumur emas dan uzur adalah suatu budaya yang menjadi semakin umum kerana jangka hayat manusia adalah dua kali ganda lebih panjang berbanding pada abad sebelumnya (Wolff dan Kasper, 2006). Penjagaan ahli keluarga meliputi pelbagai aktiviti, termasuklah penjagaan peribadi, menguruskan rumah, menyediakan makanan, membeli-belah, menguruskan perbelanjaan, menjadi peneman, kerap bertanya khabar, mengadakan dan memantau aktiviti serta perkhidmatan luar di samping menyelaraskan penjagaan perubatan (Roberto dan Jarrott, 2008).

Berdasarkan ‘Konvensyen Hak Manusia’ (Convention of Human Rights), keluarga didefinisikan sebagai unit masyarakat paling asas dan peranan masyarakat adalah menawarkan segala sokongan serta perlindungan yang diperlukan oleh unit keluarga tersebut agar dapat menyempurnakan semua tanggungjawab mereka. Keluarga sepatutnya dilihat sebagai sebuah unit yang dinamik, berbudaya, bersifat rohaniah dan psikofizikal yang kompleks. Cara kita memberikan takrifan keluarga bergantung pada nilai-nilai budaya, konteks sosial, ekonomi, peribadi dan politik. Takrifan sebuah keluarga boleh dipengaruhi oleh konteks sejarah, ekonomi politik dan sosiobudaya semasa. Dalam masyarakat kontemporari, perubahan-perubahan signifikan yang berlaku menentukan cara kita mentakrifkan definisi unit keluarga (Dzintra Ilisko et al, 2015).

Keluarga ialah unit asas kajian dalam kebanyakan disiplin sains sosial seperti sosiologi, psikologi, ekonomi, psikiatri sosial dan kerja sosial (Sonawat, 2001). Laporan UNESCO mendefinisikan sebuah keluarga sebagai sebuah unit persanakan dan walaupun ahli-ahlinya tidak tinggal di rumah yang sama, unit tersebut boleh wujud sebagai sebuah realiti sosial (UNESCO, 1992). Definisi “keluarga” juga bergantung pada cara konsep ini ditafsir, sama ada dari aspek statistik, budaya, biologi, atau sosial (Hodgson et al, 2002). Dari aspek sosial, orang ramai mungkin melihat diri mereka sebagai ahli dalam beberapa buah keluarga; baik sebahagian daripada keluarga besar yang terdiri daripada ibu bapa dan adik-beradik mereka sendiri mahupun sebahagian daripada keluarga yang mereka dirikan sendiri (Hodgson et al,

2002). Sudah dijangkakan bahawa pengaturan masyarakat yang semakin berubah sekarang akan menjadi satu cabaran besar untuk mana-mana model pengelasan struktur keluarga. Oleh itu, terdapat cadangan yang disuarakan untuk mendefinisikan semula istilah “keluarga” dan skim pengelasa struktur keluarga yang sejajar dengan perubahan yang berlaku dalam masyarakat semasa (Rahul Sharma, 2013).

### ***3.2 Matlamat-Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Agenda 2030: Tiada sesiapa pun yang tertinggal (The Sustainable Development Goals (SDGs) of the 2030 Agenda: Leaving no one behind) - Negara-Negara Ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations Member States)***

Promosi dan pemeliharaan hak-hak serta maruah warga emas di samping penglibatan penuh mereka dalam masyarakat ialah objektif penting dalam Agenda Pembangunan Mampan 2030 (2030 Sustainable Development Agenda), yang memastikan tiada sesiapa pun yang tertinggal. Matlamat-Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dalam Agenda 2030 (Sustainable Development Goals (SDGs) 2030 Agenda) merujuk secara jelas kepada warga emas dan golongan tidak berupaya serta bermatlamat untuk membasmi kemiskinan, menambah baik kualiti kehidupan dan kesihatan, menggalakkan kerja-kerja baik dan pertumbuhan ekonomi, mewujudkan bandar-bandar serta masyarakat yang mampan kerana pembangunan mampan tidak dapat dicapai tanpa penglibatan langsung populasi emas yang semakin meningkat, termasuklah warga emas tidak upaya.

Agenda ini ialah forum penting untuk negara-negara mengatasi isu-isu berkaitan penuaan dan ketidakupayaan di peringkat global. Namun begitu, peluang dan cabaran hendaklah diterokai, dikenal pasti dan dilaksanakan secara teliti dalam polisi serta program pembangunan dan sosial kebangsaan. Slogan ‘**Tiada sesiapa pun yang tertinggal**’ (**Leave no one behind**) ialah sasaran transformasi utama dalam Agenda 2030 untuk Pembangunan Mampan dan Matlamat-Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) (2030 Agenda for Sustainable Development and its Sustainable Development Goals (SDGs)). Slogan ini melambangkan komitmen jitu Negara-Negara Ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations Member States) untuk membasmi semua bentuk kemiskinan, menamatkan diskriminasi dan penyisihan, serta mengurangkan ketidakadilan di samping kerentanan yang menyebabkan individu-individu ketinggalan di belakang dan menjejaskan potensi individu serta umat manusia secara menyeluruh.

### ***3.3 Aspirasi Pilihan Petempatan Warga Emas Secara Global***

Hafiszah Ismail et al (2020) mendapati warga emas di Malaysia, rata-ratanya, bercadang untuk berpindah ke tempat lain dan hidup berdikari atau berpindah ke kawasan tempat tinggal yang berbeza serta bersesuaian dengan keperluan mereka. Walau bagaimanapun, mereka masih berharap untuk tinggal berdekatan dengan keluarga mereka. Di samping itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat penerimaan positif merentasi semua generasi di Malaysia terhadap cadangan penyediaan tempat tinggal yang khusus dan berkonsepkan budaya Malaysia. Justeru, menerusi dapatan ini, penyelidik mencadangkan lebih banyak pilihan tempat tinggal warga emas disediakan untuk membentuk masyarakat emas yang sihat.

Mohamad Naquiddin Md Mansor et al (2016) menggunakan contoh Perkampungan Persaraan arau ‘Retirement Village’ Sri Seronok di Cheras iaitu rumah persaraan pertama di Malaysia berkonsep baharu. Rumah dan Perkampungan Persaraan ini menyediakan kemudahan-kemudahan kesihatan yang hanya boleh diakses oleh penghuni berusia 65 tahun dan ke atas.

Di samping itu, perancangan kawasan perumahan tersebut direka untuk menyenangkan dan memenuhi keperluan warga emas. Hal ini termasuklah penyediaan kemudahan pemeriksaan serta penjagaan kesihatan. Kaji selidik yang dijalankan oleh Azlina Md. Yassin, Haidaliza Masram dan Ong Suet Khim (2018) untuk mengenal pasti persepsi masyarakat terhadap perkampungan persaraan ini mendapati masih ramai lagi rakyat Malaysia yang tidak mengetahui tentang kewujudan rumah persaraan ini. Malah, kebanyakan individu masih lagi memilih untuk tinggal di rumah mereka sendiri selepas bersara berbanding di rumah persaraan. Namun begitu, bagi individu-individu yang mengetahui tentang kewujudan rumah dan Perkampungan Persaraan, mereka mengharapkan fasiliti-fasiliti khas untuk kegunaan warga emas termasuklah sistem maklumbalas dan responsif kecemasan 24 jam disediakan di setiap unit rumah di samping kemudahan penjagaan warga emas di sana.

Selain itu, Nur Syakiran Akmal Ismail (2017), melalui dapatan kajian beliau, mendapati warga emas di Malaysia lebih selesa tinggal bersendirian di rumah mereka sendiri berbanding tinggal bersama anak-anak. Namun begitu, peratus tinggi responden menunjukkan bahawa kebanyakan individu tidak mengetahui kewujudan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) dan program-program kerajaan yang direka khas untuk warga emas. Nadhirah Nordin dan Hitoshi Nakamura (2020) telah menganalisis objektif serta subjektif pengaruh persekitaran fizikal kawasan kejiranan terhadap aktiviti fizikal warga emas Johor Bahru. Faktor objektif persekitaran fizikal kawasan kejiranan melibatkan entropi komposit tanah, kepadatan populasi, kepadatan persilangan lalu lintas dan jarak kemudahan. Sementara itu, faktor subjektif persekitaran fizikal kawasan kejiranan ialah penambahan lorong pejalan kaki. Dapatan-dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat kekurangan akses ke rumah ibadat dan kawasan rekreasi di kawasan kejiranan. Tambahan pula, kawasan berpopulasi tinggi tidak menyediakan kemudahan aktiviti fizikal yang banyak. Sebaliknya, kemudahan-kemudahan rekreasi sedia ada adalah lebih sesuai untuk kegunaan golongan muda dan hal ini membataskan aktiviti luar warga emas. Kajian yang dijalankan juga menekankan kepentingan faktor-faktor subjektif dan objektif untuk mempelbagaikan lagi aktiviti-aktiviti fizikal warga emas di kawasan-kawasan yang sempit. Selain itu, kajian tersebut juga membuktikan bahawa persekitaran perumahan berkepadatan tinggi tidak sesuai untuk didiami oleh warga emas.

Masa Filipovic et al (2020) di Slovenia mendapati bahawa pilihan tempat tinggal warga emas dipengaruhi faktor-faktor seperti pendapatan, kehampiran dengan keluarga mereka, tahap kepuasan dengan tempat tinggal, kemudahan-kemudahan persekitaran dan perasaan sayang terhadap tempat tinggal semasa. Dapatan kajian tersebut membuktikan bahawa warga emas lebih selesa tinggal di rumah sendiri melalui pernyataan kepuasan dan perasaan sayang mereka terhadap tempat tinggal semasa. Pusat Kajian Perumahan Bersama Universiti Harvard (2014) menganalisis keperluan perumahan warga emas di Amerika Syarikat dengan mengambil kira faktor seperti perumahan sedia ada dan gaya hidup warga emas serta mencadangkan beberapa penambahbaikan seperti penyediaan kemudahan sokongan tambahan yang mampu membantu di kawasan perumahan dan memudahkan warga emas membeli barangan keperluan, mendapatkan perkhidmatan dan berada berdekatan dengan keluarga serta rakan-rakan.

Namun begitu, keadaan adalah berbeza di Poland. Anna Jancz dan Radozlaw Trojanek (2020) mendapati bahawa warga emas di Poland tidak tinggal bersama-sama anak-anak dan cucu serta ahli keluarga lain tidak menjaga mereka semasa di usia emas. Dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa warga emas antara usia 60 hingga 69 tahun memilih untuk menetap di tempat tinggal baharu yang dilengkapi fasiliti-fasiliti yang memudahkan pergerakan mereka dan kemudahan di kawasan perumahan yang disediakan khas untuk warga emas serta

penyediaan perkhidmatan tambahan khusus warga emas. Sementara itu, warga emas yang berusia 70 tahun lebih selesa tinggal di rumah semasa mereka dengan menyesuaikan keperluan dengan kawasan tempat tinggal mereka itu. Namun begitu, jika mereka terpaksa berpindah, mereka akan mempertimbangkan faktor-faktor seperti lokasi kawasan perumahan dan persepsi mereka terhadap perhubungan kekeluargaan serta persahabatan.

Emma Mulliner et al (2020) menjalankan satu kaji selidik untuk mengetahui pilihan tempat tinggal dan ciri-ciri persekitaran ideal warga emas di United Kingdom (UK). Dapatan kajian tersebut menunjukkan warga emas di UK lebih selesa tinggal di rumah sendiri dan kebanyakan daripada mereka memilih untuk tinggal di rumah yang lebih kecil. Namun begitu, mereka masih mendapat pilihan tempat tinggal yang menyediakan sokongan untuk meneruskan kehidupan seperti rumah penjagaan dan persaraan. Di samping itu, dapatan tersebut juga menunjukkan bahawa tempat tinggal sedia ada tidak mempengaruhi pilihan tempat tinggal semasa atau akan datang. Sebaliknya, mereka memilih untuk hidup beramai-ramai berbanding menyewa secara persendirian. Kebanyakan daripada mereka lebih suka untuk tinggal di rumah banglo berbanding rumah berkembar atau teres. Selain itu, warga emas di UK memilih untuk tinggal di kawasan bandar dan luar bandar dengan keutamaan diletakkan pada kawasan kejiranan yang selamat. Di samping itu, keselamatan, pengudaraan yang baik, komuniti yang sihat, lokasi perumahan yang strategik yang dilengkapi dengan kemudahan penetapan suhu dan sistem pemanasan ialah ciri-ciri gaya hidup yang penting bagi warga emas. Hal ini termasuklah struktur dan reka bentuk kediaman, lokasi dan ciri-ciri persekitaran ialah keutamaan warga emas apabila memilih tempat tinggal di usia emas.

Farahnaz Chireh Hafshjani dan Heidar Ali Abedi (2016), dalam kajian mereka di Iran, mendapati faktor utama tanggungjawab penjagaan warga emas diserahkan kepada pusat jagaan ialah pengabaian waris, kesunyian dan kemiskinan. Faktor seterusnya ialah waris mahu mencapai ketenangan minda dengan menghantar ahli keluarga yang uzur ke pusat jagaan untuk mendapatkan kaunseling dan penjagaan kesihatan berkualiti kerana ketidakmampuan waris berikutan masalah kesihatan, masalah kewangan dan kegagalan waris menyediakan makanan berkhasiat kepada ahli keluarga yang uzur. Tambahan pula, penderaan juga antara salah satu faktor penyumbang warga emas dihantar ke pusat jagaan. Kajian tersebut juga mendapati waris berasa bersalah atas tindakan mereka dan keputusan ini terpaksa diambil kerana faktor kesihatan serta usia waris semakin lanjut yang membuatkan mereka memerlukan penjagaan juga.

Sementara itu, Rishi Panday et al (2015), dalam kajian penilaian mereka terhadap perbezaan kualiti hidup warga emas di pusat jagaan dan rumah keluarga di dua kawasan di Ranchi iaitu Kantatoli dan Kanke, India, mendapati bahawa warga emas yang tinggal di pusat jagaan mempunyai tahap kesihatan lebih baik berbanding warga emas yang tinggal bersama keluarga kerana ketersediaan kemudahan pemeriksaan kesihatan dan sesi pemeriksaan doktor yang dilakukan secara mingguan. Begitu juga, kesihatan fizikal dan mental serta persekitaran warga emas di pusat jagaan adalah lebih baik berbanding yang tinggal bersama keluarga. Dapatan sama juga diperolehi melalui kajian yang dijalankan oleh Shipra Singh et al (2014) tentang warga emas di India. Kajian tersebut mendapati bahawa penduduk tempatan masih mengamalkan budaya dan nilai-nilai yang diterap dalam diri mereka sejak kecil seperti peranan wanita sebagai isteri dan tanggungjawab mereka terhadap keluarga selepas kematian pasangan. Dapatan ini juga disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Sunita Menezes dan Tissy Mariam Thomas (2018). Menurut kajian mereka, warga emas di India lebih suka tinggal bersama anak-anak dan cucu tetapi lazimnya, warga emas yang tinggal di rumah jagaan terdiri daripada

individu-individu yang kehilangan pasangan, menderita sakit dan tidak dapat menguruskan diri sendiri kerana pergerakan fizikal mereka terbatas. Hal ini menyebabkan ada dalam kalangan mereka yang mengalami masalah kewangan.

Vera Prosper (2002), dalam kajiannya di Amerika Syarikat, menerangkan impak persekitaran tempat tinggal, sama ada secara fizikal, sosial mahupun mental, kepada warga emas adalah dengan mengambil kira faktor-faktor fizikal dan persekitaran sosial mereka. Kajian tersebut juga menekankan bahawa keutamaan persekitaran warga emas ialah aspek paling penting untuk menghasilkan persekitaran tempat tinggal yang positif. Eva Andersson, Marianne Abramsson dan Bo Malmberg (2014), dalam kajian yang dijalankan di Sweden, menganalisis pilihan tempat tinggal dalam kalangan warga emas yang berusia 55 tahun dan ke atas. Kajian tersebut membahagikan fokus kajian pada 3 faktor iaitu umur, geografi dan sosioekonomi warga emas yang mempengaruhi pilihan tempat tinggal mereka. Dapatan kajian mendapati bahawa warga emas di Sweden memilih tempat tinggal berdasarkan jenis dan lokasi rumah berbanding rekaan fizikal rumah. Dapatan seterusnya adalah terdapat perhubungan yang kuat antara faktor sosioekonomi dan geografi dalam pemilihan tempat tinggal warga emas. Namun begitu, variasi pilihan tempat tinggal warga emas tidak bergantung pada perbezaan latar belakang, sama ada mereka berasal dari kawasan bandar atau luar bandar sahaja. Sebaliknya, kedua-dua faktor ini saling berhubung kait dan mengambil kira aspek lain seperti keperluan perkhidmatan serta kemudahan.

Dalam laporan ALONE (2018) menganalisis pilihan tempat tinggal bagi penduduk di Ireland. Negara tersebut menyediakan beberapa jenis keperluan perumahan untuk warga emas seperti perumahan awam, perumahan komuniti, perumahan perlindungan sosial khas warga emas, rumah jagaan persendirian serta awam berpatutan yang dilengkapi kemudahan istimewa, bersesuaian dengan keperluan bagi setiap jenis perumahan ini agar pelaksanaan jangka panjang dapat dilakukan. Begitu juga, kajian yang dijalankan oleh Shalini Sanmargaraja dan Seow Ta Wee (2013) mendapati lebih ramai individu emas yang berasa selesa tinggal bersendirian di rumah jagaan berbanding di rumah sendiri. Walau bagaimanapun, dapatan menunjukkan bahawa pengurusan dan kemudahan rumah jagaan adalah tidak memuaskan serta perlu ditambah baik. Oleh itu, beberapa cadangan penambahbaikan diberikan melalui kajian tersebut yang meliputi cadangan rekaan dalaman dan luaran serta penyediaan papan tanda di rumah-rumah jagaan tersebut.

Siobhan Fox et al (2017) membuat perbandingan keperluan rumah jagaan di pusat jagaan dengan rekaan tersuai dan rekaan rumah jagaan yang tipikal. Kajian tersebut menunjukkan bahawa warga emas berpuas hati dengan kemudahan yang disediakan di kedua-dua jenis rumah jagaan. Walau bagaimanapun, kemudahan dan rekaannya mestilah memenuhi keperluan warga emas seperti susun atur tandas, tangga dan pintu masuk yang mesra warga emas. Hal ini mestilah diselaraskan dalam semua rekaan perumahan yang dibangunkan oleh agensi perumahan sebagai kediaman awam. Yang Zhai et al (2018) menjalankan kajian ke atas sikap dan pilihan lanskap warga emas di dua taman tradisional komprehensif di Xi'an dan Shaanxi, China. Beberapa cadangan yang diusulkan oleh pengkaji, berdasarkan dapatan kajian termasuklah perkhidmatan berkaitan dengan penambahbaikan kualiti kehidupan seperti maklumat penjagaan kesihatan, keselamatan pergerakan jarak jauh dan keperluan warga emas yang lain mesti disediakan semasa waktu puncak warga emas berada di kedua-dua taman tersebut, iaitu dari pukul 8.30 hingga 10.30 pagi dan 2.30 hingga 4.30 petang. Di samping itu, kemudahan-kemudahan pengangkutan untuk warga emas yang tinggal di luar kawasan dan kemudahan persekitaran seperti pasar juga perlu disediakan pada waktu puncak. Melalui

dapatan kajian tersebut, didapati juga bahawa warga emas memerlukan peralatan kecergasan, kawasan rekreasi yang luas berdekatan, tempat duduk, ruang peribadi dan ruang terbuka.

#### **4. Penutup**

Perbincangan kajian-kajian terdahulu menunjukkan pelbagai isu yang melibatkan pemilihan tempat tinggal dan petempatan warga emas. Kajian-kajian tersebut mencadangkan beberapa cadangan penambahbaikan dalam strategi peringkat kebangsaan dalam perancangan tempat tinggal warga emas termasuklah maklumat dan cadangan untuk membantu kelompok individu ini merancang masa emas mereka dengan lebih baik. Di samping itu, strategi perhubungan antara rekaan rumah dan kesihatan warga emas, melindungi kehidupan warga emas daripada terjejas akibat masalah kewangan turut dikemukakan. Langkah-langkah seperti penempatan semula, pemilihan jenis perumahan, perancangan dan penyediaan kawasan perumahan khusus warga emas boleh dipertimbangkan sebagai satu strategi kebangsaan untuk menjaga kebajikan warga emas. Usaha-usaha untuk membina kawasan perumahan mesra warga emas mesti dipandang serius oleh pihak berkuasa dan entiti-entiti yang menjaga kebajikan warga emas. Beberapa cadangan yang dikenal pasti berdasarkan dapatan kajian-kajian terdahulu ialah penyediaan kemudahan sokongan untuk memastikan kelangsungan hidup warga emas, keperluan asas yang membolehkan warga emas hidup berdikari, penyediaan perumahan khusus warga emas dan kemudahan kaunseling serta perkongsian maklumat yang membantu warga emas mengatasi masalah yang dihadapi berikutan umur mereka yang semakin lanjut.

Sejajar dengan peningkatan jangka hayat, individu-individu tidak upaya yang hidup hingga ke usia emas boleh menyumbang pada pertumbuhan populasi emas secara menyeluruh. Hal ini mendesak negara-negara yang menghadapi masalah ini untuk mengambil pendekatan jangka panjang dengan melabur dalam perancangan, rekaan dan pembangunan pembandaran agar persekitaran yang inklusif serta mudah diakses dapat disediakan di samping berusaha ke arah pencapaian objektif pembentukan masyarakat yang memenuhi keperluan dan kapasiti semua pihak. Terdapat keperluan penting yang jelas untuk merangka polisi dan program khusus bagi warga emas yang mengambil kira hubungan antara penuaan dan ketidakupayaan serta cara masyarakat yang mampu memastikan program dan kemudahan yang disediakan dapat memenuhi keperluan warga emas normal mahupun tidak upaya. Dalam konteks trend populasi emas dan pertumbuhan yang melibatkan individu tidak upaya di peringkat global, polisi yang lebih meluas perlu dipertimbangkan dan diterokai dengan lebih mendalam dan terangkum.

#### **5. Rakaman Ucapan terima kasih**

Penulis ingin merakamkan terima kasih setingginya kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sebagai penyedia geran penyelidikan dan sokongan kewangan melalui Geran FRGS - Kod Projek: FRGS / 1/2020 / SSO / KUIS / 02/1 - yang membolehkan penulis untuk menjalankan penyelidikan berkaitan.

#### **6. Rujukan**

Ageing and disability, United Nations, Department of Economic and Social Affairs  
Disability, <https://www.un.org/development/desa/disabilities/disability-and-ageing.html>  
(akses pada 16hb Feb 2021).

ALONE. 2018. Housing Choices for Older People in Ireland - Time for Action. ALONE.

- Anna Jancz dan Radoslaw Trojanek. 2020. Housing Preferences of Seniors and Pre-Senior Citizens in Poland - A Case Study. *Journal Sustainability*. Volume 12, 4599: 1-20.
- Azlina Md. Yassin, Haidaliza Masram and Ong Suet Khim. 2018. Potential Development of Retirement Village in Malaysia. *International Journal of Property Science*. Volume 8, Issue 1: 40-51.
- Bangkok, Thailand: UNESCO; 1992. UNESCO Principal Regional Office for Asia and Pacific. *The changing family in Asia: Bangladesh, India, Japan, Philippines and Thailand*.
- Convention on the Rights of Persons with Disabilities (CRPD), 2006, <https://www.un.org/development/desa/disabilities/convention-on-the-rights-of-persons-with-disabilities> (akses pada 17hb Feb 2021).
- David Robinson, Stephen Green & Ian Wilson. 2020. Housing Options for Older People in a Reimagined Housing System: A Case Study from England. *International Journal of Housing Policy*. Vol. 20, No. 3: 344-366.
- Emma Mulliner, Mike Riley dan Vida Maliene. 2020. Older People's Preference for Housing and Environment Characteristics. *Journal Sustainability*. Volume 12, 5723: 1-25.
- Eva Andersson, Marianne Abramsson dan Bo Malmberg. 2014. Residential Preferences of the Elderly Population: Age, Class, and Geographical Context.
- Farahnaz Chireh Hafshjani and Heidar Ali Abedi. 2016. A Study of Families' Experiences of Putting Their Elders in Nursing Homes. *International Journal of Medical Research & Helath Sciences*. 5, 11: 209-214.
- Hafiszah Ismail, Faridah Muhamad Halil, Aida Wati Zainan Abidin and Mohamad Sufian Hasim. 2020. The Elderly (Senior) Housing Preferences among Generations in Malaysia. *Environment Behaviour Proceeding Journal*. Volume 5, No. 13: 145-154.
- Hodgson RM, Birks KS. Palmerston North, New Zealand: The Centre for Public Policy Evaluation, Massey University; 2002. Statistics New Zealand's definition of family, its implications for the accuracy of data and effectiveness of policy targeting. Student paper no. 4.
- House of Commons. 2018. *Housing for Older People*. Second Report of Session 2017-2019. United Kingdom: [www.parliament.uk/clg](http://www.parliament.uk/clg).
- Jal Zabdi Mohd Yusoff. 2009. *Jenayah dalam Keluarga: Penderaan dan Pengabaian Warga Tua di Malaysia*. Kertas kerja dibentangkan di International Conference Law (ICCL) 2009, 1-3 Jun, Surabaya, Indonesia.
- Joint Center for Housing Studies of Harvard University. 2014. *Housing America's Older Adults: Meeting the Needs of an Aging Population*. Cambridge: Harvard Graduate School of Design & Harvard Kennedy School.

- Leaving no one behind, United Nations, <https://unsdg.un.org/2030-agenda/universal-values/leave-no-one-behind> (akses pada 17hb Feb 2021).
- Masa Filipovic Hrast, Richard Sendi dan Bostjan Kerbler. 2020. Housing Choices of Older People: Staying or Moving in the Case of High Care Needs. *Journal Sustainability*. Volume 12, 2888: 1-20.
- Mohamad Naquiuddin Md Mansor, Siti Noorsuriani Maon, Mumtaz Ahmad and Norzaidi Mohd Daud. 2016. Attracting Factors of Retirement Village Migration: A Literature Review. *Advance in Business Research International Journal*. 2, 2: 48-51.
- Nadhirah Nordin and Hitoshi Nakamura. 2020. The Influence of the Objective and Subjective Physical Neighbourhood Environment on the Physical Activity of Older Adults: A Case Study in Malaysia Neighbourhoods of Johor Bahru. *Journal Sustainability*. Volume 12, 1760: 1-25.
- Nur Syakiran Akmal Ismail, Norehan Abdullah, Kalthum Hassan, Shamzaeffa Samsudin, Ummu Atiyah Ahmad Zakuan, Rohana Yusof and Nurzalyna Mohamed Zaki. 2017. Kesejahteraan Hidup Warga Emas: Perancangan Berasaskan Gender. *Malaysia Journal of Society and Space*. 13,1: 75-85.
- Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat. 2020. Pusat Jagaan: <http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=T21VOVlra1haV3p4SUp5RVJadEREUT09> (akses pada 20hb Feb 2021).
- Rahul Sharma, The Family and Family Structure Classification Redefined for the Current Times, *Journal of Family Medicine and Primary Care*, 2013 Oct-Dec; 2(4): 306–310.
- Rishi Panday, Manisha Kiran, Prashant Srivastava and Saurav Kumar. 2015. A Study on Quality of Life between Elderly People Living in Old Age Home and within Family Setup. *Open Journal of Psychiatry & Allied Science*. 6: 127-131.
- Roberto KA, Jarrott SE. Family caregivers of older adults: A life span perspective. *Family Relations*. 2008. 57:100 - 111.
- Shalini Sanmargaraja and Seow Ta Wee. 2013. Pandangan Warga Tua di Rumah Warga Tua: Kajian Kes di Bandaraya Ipoh dan Johor Bahru. Kertas kerja dibentangkan di Persidangan Kebangsaan Geografi & Alam Sekitar Kali Ke 4 anjuran Jabatan Geografi dan Alam Sekitar, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 5-6 Mac, Perak.
- Shipra Singh, Nitin B. Raut, Alka A. Subramanyam, Ravindra Kamath, Charles Pinto and Sunitha Shanker. 2014. Perception of Old Age and Self: A Comparative Study of Elderly Living in Community and in Old Age Home. *Journal of Geriatric Mental Health*. Volume 1, Issue 1: 32-37.
- Siobhan Fox, Lorna Kenny, Mary Rose Day, Cathal O'Connell, Joe Finnerty, Suzanne Timmons. 2017. Exploring the Housing Needs of Older People in Standard and Sheltered Social Housing. *Gerontology & Geriatric Medicine*. 3: 1-14.

Sonawat R. Understanding families in India: A reflection of societal changes. *Psicologia: Teoria e Pesquisa*. 2001. 17:177 - 86.

Sunita Menezes dan Tissy Mariam Thomas. 2018. Status of the Elderly and Emergence of Old Age Homes in India. *International Journal of Social Sciences and Management*. Volume 5, Issue 1: 1-4.

Vera Prosper, PhD. 2002. *Housing Environments for Elderly People in the United States, Social Work with the Elderly in the United States*. Tula, Russia: L.N. Tolstoy Press.

Wolff JL, Kasper JD. Caregivers of frail elders: updating a national profile. *Gerontologist*. 2006. 46:344 - 356.

Yang Zhai, Kankan Li and Jianjun Liu. 2018. A Conceptual Guideline to Age-Friendly Outdoor Space Development in China: How Do Chine Seniors Use the Urban Comprehensive Park? A Focus in Time, Place and Activities. *Journal Sustainability*. Volume 10, 3678: 1-13.

### **Dasar/Polisi**

Dasar Warga Emas Negara (DWEN)

Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN)

The Convention on the Rights of Persons with Disabilities (CRPD) and its Optional Protocol (A/RES/61/106)